

**KURSUS
BAHASA ARAB LANJUTAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

~~~~~  
~~~~~

LATARBELAKANG

Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran selain penggunaannya yang meluas di dunia Arab dan Islam meletakkannya sebagai bahasa terpenting di dunia masa kini. Kemahiran menguasai bahasa Arab membolehkan seseorang itu memahami kandungan al-Quran dan hadith selain berupaya membaca buku-buku mengenai ilmu-ilmu Islam yang banyak ditulis dalam bahasa Arab. Menyedari kepentingannya Unit Kursus Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah, Akademi Pengajian Islam bercadang untuk menawarkan Sijil Bahasa Arab bagi mendedahkan kepada masyarakat awam mengenai kaedah-kaedah dalam bahasa Arab, kemahiran membaca dan menulis serta mendengar dan berkomunikasi. Sijil ini juga diharapkan dapat memberikan pendedahan awal kepada para pelajar sebagai satu persediaan sebelum menyambung pengajian mereka di peringkat sarjana muda pengajian Islam.

OBJEKTIF

Antara objektif utama kursus ini ialah:

- a) Mendedahkan kepada para pelajar kaedah-kaedah penting dalam bahasa Arab seperti kaedah *nahw* dan *sarf*.
- b) Meningkatkan kemahiran pelajar dalam membaca dan menulis dalam bahasa Arab
- c) Meningkatkan kemahiran pelajar dalam mendengar dan berkomunikasi dalam bahasa Arab

TEMPAT DAN PERJALANAN KURSUS

Kelas diadakan di Bilik Seminar dan Dewan Kuliah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kursus ini dijalankan secara kuliah yang disampaikan oleh pensyarah.

TEMPOH KURSUS DAN WAKTU PEMBELAJARAN

Kursus ini dijalankan pada hujung minggu iaitu pada setiap hari **Ahad** dari **9.00 pagi** hingga **1.00 petang**. Kursus ini mengandungi 3 modul yang dijalankan selama **satu semester (6 bulan)**. Kursus ini akan tamat dalam **dua semester**.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia.
- Arab Mempunyai minat & kesungguhan yang tinggi
- Mempunyai asas dalam Bahasa Arab
- Umur 18 tahun keatas

STRUKTUR PROGRAM

- **Sijil Penyertaan** – Peserta perlu menghadiri kelas sebanyak 80% untuk melayakkan diri untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- **Sijil Kelulusan** – Peserta perlu lulus (markah lulus 40) dalam peperiksaan bagi kesemua subjek yang ditawarkan. 80% kehadiran perlu untuk melayakkan diri untuk menduduki peperiksaan.

YURAN

Yuran kursus bagi setiap semester ialah **RM 600.00** sahaja. Yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan jika peserta gagal mengikuti kursus atau apa jua sebab kecuali kursus dibatalkan oleh pihak penganjur.

SUBJEK YANG DITAWARKAN

QAWAID & 'IRAB AL-QURAN

Subjek ini adalah asas kepada kemahiran bahasa arab.Ia adalah pembelajaran yang berkaitan dengan tatabahasa (nahu) contohnya kata nama khas, kata nama am, jenis-jenis ayat dan sebagainya.

MEMBACA & MENULIS

Subjek ini akan memberi pengetahuan kepada pelajar untuk membaca dan menulis dalam bahasa arab. Pembelajaran akan lebih mudah dengan pendekatan yang berkaitan dengan kehidupan seharian.

MENDENGAR & BERKOMUNIKASI

Subjek ini bersesuaian dengan objektif sijil ini diadakan. Subjek ini memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa arab. Pembelajaran ini menggunakan pendekatan perbualan ringkas dalam kelas dengan menggunakan topik yang berkaitan dengan kehidupan seharian.



**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**BORANG PERMOHONAN
KURSUS BAHASA ARAB LANJUTAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

NAMA : _____

NO K/P : _____

ALAMAT : _____

NO TELEFON : _____

EMAIL : _____

BORANG DIALAMATKAN KEPADA :

**URUSETIA SIJIL PENGAJIAN AL-QURAN
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH (KPQS)
ARAS 4 BLOK D
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR**

WEBSITE: www.spaq-apium.com

**FB : Spaq Apium
TELEFON : 03-79676000/6049/6167
WHATAPPS : 014-237-6025
FAKS : 03-79560705**



KBAL



**KURSUS
BAHASA ARAB LANJUTAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

Di bawah Anjuran:

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &
AL-SUNNAH (KPQS)
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**